

18/06/2003

Kod lindungi pemegang polisi

KOD Amalan Baik bagi Perniagaan Insurans Hayat, yang dikuatkuasa Bank Negara Malaysia sejak 1 Januari 1998 bertujuan menjaga kepentingan pemegang polisi insurans.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan, berkata kod itu menggariskan peraturan bagi penanggung insurans mengekalkan standard etika dalam reka bentuk produk insurans hayat dan keperluan minimum bagi risalah jualan produk insurans hayat bagi meningkatkan ketelusan produk.

"BNM sentiasa memantau risalah jualan yang digunakan ejen syarikat insurans hayat dan memastikan syarikat insurans mematuhi keperluan kod," katanya menjawab soalan bertulis Chow Kon Yeow (DAP-Tanjung).

(END)